

# Yaman mahu contohi kejayaan industri kita

UM - 10/5/2007

**Y**AMAN berhasrat mempelajari kejayaan Malaysia yang mampu membangunkan industri dan perdagangannya, kata Menteri Industri dan Perdagangan Yaman, Yahya Yahya Mohamed Al-Mutawakel.

Beliau berkata, pengalaman Malaysia yang berjaya membangunkan industri dan perdagangannya bagi tempoh 20 tahun amat mengagumkan.

Katanya, Yaman boleh mempelajari daripada pengalaman Malaysia dan mengelakkan kesalahan serupa.

“Walaupun pengalaman Malaysia tidak dapat ditiru 100 peratus, kami boleh mengenal pasti persamaan dan potensi yang ada,” katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian selepas pertemuan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz. Yahya mengetuai delegasi 22 ahli perniagaan Yaman yang melawat Kuala Lumpur dari 8 hingga 10 Mei ini. Yahya berkata, Yaman kini memberi keutamaan membangunkan industri-nya dan mencari pelabur bagi melabur dalam bidang tertentu.

“Kami berhasrat meningkatkan hubungan dagang antara kedua-

dua negara dan sektor swasta dari kedua-dua negara boleh merebut peluang hasil daripada pengukuhan hubungan ekonomi berkenaan,” katanya.

Tahun lalu, Yaman adalah rakan dagang Malaysia ketujuh terbesar di kalangan negara Asia Barat.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Yaman tahun lalu mencatatkan dagangan berjumlah RM1.1 bilion, kenaikan 86.4 peratus berbanding 2005, manakala eksport berjumlah RM954 juta, naik 119.2 peratus berbanding 2005.

Sementara itu, Rafidah berkata, pegawai Yaman digalakkan memanfaatkan kemudahan yang ditawarkan menerusi program teknologi Malaysia.

“Mereka boleh datang ke negara ini dan berbincang dengan pegawai Kementerian mengenai polisi perdagangan,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia boleh membantu Yaman mengelakkan kesalahan yang mungkin dilakukan negara itu pada peringkat permulaan untuk membangunkan industri dan perdagangannya.

“Mengikut pengalaman Malaysia, kami boleh memberikan tunjuk ajar kepada Yaman perkara yang mereka perlu lakukan,” katanya.

DANA  
BERSHIP  
KAWAN  
AYATAN  
KEPIMPINAN  
PEDANA